

Pelbagai pihak kecam sikap *Business Week*

UM 17 SEP 2003

KUALA LUMPUR 11 Sept. — Pelbagai pihak hari ini mengecam majalah antarabangsa *Business Week* yang bersikap biadap dan angkuh dengan mengugut untuk menulis laporan memburuk-burukkan Malaysia dan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas Perdana Menteri enggan ditemu bual oleh mereka.

Menurut mereka, ancaman seperti itu merupakan sebahagian daripada amalan budaya pengganas dan majalah berkenaan perlu membuat permohonan maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri dan rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, mereka turut menggesa kerajaan bertindak tegas dengan mengharamkan penerbitan majalah berkenaan di negara ini sebagai peringatan supaya ia tidak berulang di masa hadapan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, *Business Week* perlu meminta maaf kepada Perdana Menteri di atas sikap biadap dan tidak profesional seorang wartawan yang mengugut Perdana Menteri kerana enggan ditemu ramah.

Menurut beliau, perbuatan tidak bertanggungjawab mengugut Perdana Menteri sesebuah negara samalah seperti mengugut kewibawaan negara terbabit secara tidak langsung.

"Ia adalah satu perbuatan tidak beretika dan tidak patut dilakukan oleh sesebuah majalah antarabangsa biar sebesar mana edarannya atau di mana jua ibu pejabatnya," kata beliau ketika ditemui selepas melancarkan Majlis Menandatangani perkongsian Tajaan bagi Forum Perniagaan Pertubuhan persidangan Islam (OIC) di sini hari ini.

Semalam Dr. Mahathir mendedahkan wartawan *Business Week*, Michael Shari dalam sepucuk surat mengancam untuk memburuk-burukkan Malaysia dan kepimpinannya ekoran permohonan majalah berkenaan untuk menemu bual Perdana Menteri ditolak.

Surat tersebut mengancam untuk menulis mengenai perkara-perkara yang tidak munasabah seperti kronisme, penindasan, pemerintahan kuku besi dan beberapa perkara lain sekiranya Dr. Mahathir tidak mahu menemui mereka.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, sikap wartawan majalah yang beribu pejabat di New York itu menunjukkan keangkuhan media Barat yang tidak menghormati hak individu, biadap dan tidak bertanggungjawab terhadap pemimpin tertinggi negara ini.

"Mereka bukan saja tidak mengamalkan kebebasan dan menghormati hak individu tapi juga menunjukkan keangkuhan dan punya agenda tertentu.

"Bagi saya ini adalah sikap biadap dan tidak bertanggungjawab terhadap pemimpin negara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia (Sukma) ke-10 di Seremban hari ini.

Ditanya mengenai keputusan Dr. Mahathir menolak permintaan majalah itu, Hishammuddin berkata, Pemuda UMNO menyokong keputusan itu dan menyifatkannya sebagai tepat.

Di Kuantan, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, ugutan seumpama itu adalah 'kebudak-budakan' dan tidak membayangkan kematangan yang seharusnya ditunjukkan oleh sebuah majalah bertaraf antarabangsa.

Katanya, sekiranya *Business Week* berniat untuk memburukkan Malaysia dan kepimpinan Dr. Mahathir, majalah tersebut ternyata silap kerana tiada perkara besar yang hendak disorokkan daripada pengetahuan umum.

"Saya yakin *Business Week* ini silap orang, dia mengugut salah orang kerana Perdana Menteri tiada apa-apa yang hendak disorokkan sama ada soal kronisme, atau nepotisme," katanya.

Di Kuala Lumpur, Naib Ketua Pemuda UMNO, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata, kerajaan tidak boleh memberi muka kepada majalah terbabit kerana mereka akan mengamalkan perkara sama pada masa hadapan jika tidak dihukum.

"Sudah sampai masanya untuk kita menyekat, biarlah sampai mengharamkan sekali pun, majalah ini daripada diedarkan di Malaysia," katanya.

Pengerusi Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara, Datuk Noh Omar berkata, ugutan dari *Business Week* itu menunjukkan bahawa media barat masih lagi mengamalkan budaya pengganas yang dipegang oleh mereka sejak zaman penjajahan dahulu.

"Perdana Menteri sendiri pernah kata dahulu, orang putih ini kalau kita tidak mahu dengar cakap kita, terus dijajahnya sahaja kita," katanya.

Di Shah Alam, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, tindakan majalah itu adalah bukti jelas bahawa media barat sudah hilang kredibiliti.

"Isu-isu yang hendak ditanya oleh *Business Week* bukan perkara baru dan Perdana Menteri telah menjelaskannya kepada dunia sebelum ini, jadi apakah tujuan ia ditimbulkan semula?," tegasnya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Festival Filem Pelajar Malaysia 2003 di Universiti Teknologi Mara.